



Lindungi akaun CPF anda dengan melantik  
**Individu Dipercayai**

Perlukan sepasang mata tambahan untuk mengesan transaksi CPF yang mencurigakan?

**Lantik Individu Dipercayai hari ini**



## Apakah itu perkhidmatan notifikasi Individu Dipercayai?

Ia adalah perkhidmatan pilihan untuk melantik Individu Dipercayai yang akan menerima notifikasi yang sama seperti yang anda terima apabila terdapat permohonan untuk:

- ▶ Mengeluarkan CPF anda untuk keperluan persaraan serta-merta
- ▶ Mengemas kini had harian untuk mengeluarkan wang anda
- ▶ Mengemas kini butiran akaun bank anda
- ▶ Mengemas kini butiran untuk menghubungi anda

## Mengapa melantik Individu Dipercayai?

Individu Dipercayai anda boleh:

- ▶ Mengesan aktiviti mencurigakan dan kemungkinan penipuan dengan lebih awal
- ▶ Menasihati atau membimbing anda untuk melaporkan penipuan yang disyaki



**Penting:** Individu Dipercayai tidak boleh melihat butiran maklumat akaun CPF anda selain daripada apa yang dikongsikan dalam notifikasi yang disebut di atas, atau membuat transaksi bagi pihak anda

# Cara Melantik Individu Dipercayai

## Langkah 1: Mengenal pasti

Pilih seseorang yang anda percayai, seperti ahli keluarga

### Individu Dipercayai:

- i) Mesti merupakan Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap, berumur 21 tahun ke atas
- ii) Mesti mempunyai kedua-dua nombor telefon yang berdaftar di Singapura dan alamat e-mel yang berdaftar dengan Lembaga CPF
- iii) Menyemak e-mel dan mesej teks secara berkala

## Langkah 2: Maklumkan

Tanya sama ada mereka sudi menjadi Individu Dipercayai anda dan jelaskan peranan mereka

## Langkah 3: Lantik

Sebelum melantik Individu Dipercayai di laman web CPF:

- ▶ Pastikan butiran yang anda daftarkan dengan Lembaga CPF di bawah tetapan Akaun anda untuk menghubungi anda dan orang yang anda lantik lengkap dan terkini

Anda boleh melantik sehingga 2 Individu Dipercayai



**Petua:** Anda boleh menggugurkan Individu Dipercayai anda secara dalam talian pada bila-bila masa melalui laman web CPF (log masuk diperlukan)



Perlukan maklumat lanjut? Imbas kod QR untuk mendapatkan maklumat lanjut atau layari [cpf.gov.sg/trustedcontact](https://cpf.gov.sg/trustedcontact)

### Berhubung dengan kami!



CPFBoard



cpf\_board



CPFvideos



cpf.gov.sg/whatsapp

### Ingat!

Lembaga CPF hanya akan menelefon anda dari **6227 1188** dan **TIDAK AKAN** meminta anda memindahkan wang atau mendedahkan butiran log masuk bank melalui panggilan telefon

Untuk lebih banyak petua supaya kekal selamat daripada penipuan, layari [cpf.gov.sg/antiscamtips](https://cpf.gov.sg/antiscamtips)